

TERMA DAN SYARAT HONG LEONG KAD KREDIT I'M (English Version)

Dikemas Kini pada 12 July 2024

Terma dan syarat di bawah ini hendaklah dibaca bersama-sama Perjanjian Pemegang Kad Hong Leong Bank Berhad ("Bank") ("Perjanjian"). Melainkan dan kecuali pengubahan yang dinyatakan di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diguna pakai. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat Perjanjian dengan terma dan syarat Hong Leong Kad Kredit I'm, maka terma dan syarat Kad Kredit I'm di dalam ini hendaklah diutamakan setakat mengenai Kad Kredit I'm.

1. Yuran Penggantian Kad

Tiada Yuran Penggantian Kad dikenakan bagi Kad Kredit I'm.

2. Yuran Tahunan

Tiada Yuran Tahunan dikenakan bagi Kad Kredit I'm.

3. Transaksi Luar Negara

Urusniaga Kad yang dibuat dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh ia diproses oleh Visa International dan/atau MasterCard International pada kadar pertukaran asing sebagaimana yang ditentukan oleh Visa International dan/atau MasterCard International. Yuran tambahan berikut akan dikenakan ke atas penukaran:

- (i) 1% yuran transaksi dikenakan oleh Visa International dan/atau MasterCard International; Dan
- (ii) maksimum 1% yuran penukaran tukaran asing dikenakan oleh Bank. Kadar tambahan 1% penukaran tukaran asing ini yang dikenakan oleh Bank tidak berkenaan dengan Kad Kredit I'm.

4. Yuran Pencarian Rekod Jualan

Tiada Yuran Pencarian Rekod Jualan dikenakan atas Kad Kredit I'm.

5. Yuran Terbitan PIN

Tiada yuran dikenakan atas Pemegang Kad yang mengambil PIN dari cawangan.

6. Penyata

- (i) Pemegang Kad akan menerima e-Penyata bulanan melalui emel tanpa dikenakan caj tambahan dengan syarat Pemegang Kad mempunyai alamat emel yang sah untuk menerima e-Penyata bulanan. Penyata bulanan yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad Utama yang berkenaan dengan kad kredit hendaklah mengikut Klausula 15 Perjanjian. Klik [sini](#) untuk terma dan syarat Klausula 15 Perjanjian.
- (ii) Fi bulanan sebanyak RM5.00 (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan), atau apa-apa amaun fi yang mungkin ditetapkan oleh Bank menurut budi bicaranya yang mutlak dari semasa ke semasa, akan dikenakan kepada Pemegang Kad yang menggunakan pilihan unyuk menerima Penyata bulanan bercetak. Walaupun Pemegang Kad telah menggunakan pilihan untuk menerima Penyata bulanan bercetak, namun ePenyata bulanan akan terus dihantar kepada Pemegang Kad.

7. Pilihan Transaksi Kredit Dalam Negara

Pemegang Kad mempunyai pilihan untuk memilih penggunaan transaksi kredit dalam negara hanya dengan membuat pemberitahuan bertulis kepada Bank atau dengan menghubungi khidmat pelanggan Bank dan perubahan berkenaan akan ditunjukkan selepas tujuh (7) hari kerja. Penggunaan transaksi kredit dalam negara bermaksud penggunaan kredit di dalam Malaysia sahaja dan tidak meliputi transaksi dalam talian runcit luar negara.

8. Mata Ganjaran

Tiada Mata Ganjaran akan diberi bagi Kad Kredit l'm.

9. Rebat Tunai

Tiada Rebat Tunai diberi bagi Kad Kredit l'm.

10. Nota Khas

Pelan/liputan insurans tidak disediakan di bawah Kad Kredit l'm.

11. Pengubahan Ciri Produk

Bank berhak, menurut budi bicaranya yang mutlak dan dari semasa ke semasa meminda, mengubah atau menukar mana-mana ciri produk Kad Kredit l'm atau menarik balik Kad Kredit l'm pada bila-bila masa dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad dan pindaan-pindaan tersebut adalah berkuat kuasa pada tarikh yang Bank pilih untuk terima pakai. Seterusnya, Bank boleh menurut budi bicaranya secara langsung kepada Pemegang Kad atau memaklumkan dalam media massa atau meletakkan notis dalam ruang perbankan Bank atau laman web Bank di www.hlb.com.my atau apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank bagi penambahan, pengubahsuaian atau pindaan ciri-ciri produk itu.